

Ahli politik disenarai terima suntikan seperti barisan hadapan



KHAIRY JAMALUDDIN

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR 17 Februari 2021, 6:32 pm

PUTRAJAYA: Ahli politik disenaraikan antara pihak yang boleh diberi keutamaan untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 seperti barisan hadapan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya ada melakukan penilaian risiko di mana Perdana Menteri berjumpa ramai orang yang memungkinkannya jangkitan.

"Ini melibatkan beliau dan orang lain terdedah kepada jangkitan atau menyebarkan Covid-19 kepada orang lain.

"Sebab itulah, penilaian risiko melihat mereka yang sentiasa bersama dengan orang ramai termasuk ahli politik boleh dikira antara senarai keutamaan untuk menerima vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai penyelarasan Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) secara maya di sini hari ini.

Semalam, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan ahli politik yang terdiri daripada ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut disenarai sebagai penerima vaksin Covid-19 fasa pertama.

Perdana Menteri berkata, ahli politik sama ada daripada pihak kerajaan atau pembangkang dikategorikan sebagai

barisan hadapan kerana sering bertemu dengan masyarakat.

"Mereka sering terdedah kepada risiko jangkitan Covid-19," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran Buku Panduan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by



Ahli Parlimen,
ADUN divaksi...



Lubuk emas di
Sungai Amazon



PKP: Pekerja
swasta kelas...



Pasaran
Insurans....



126,000 individu
disuntik vaksi...



Tambahan dana
RM5 juta...



PM terima
suntikan untu...



68 anggota polis
Perak positif...



Guru dipecat
maklum jumla...



POPULAR



Pengasas 'Sugarbook' ditahan

18 Februari 2021, 11:08 am



'Akaun rahsia' UMNO hanya niat burukkan parti – Tengku Adnan

18 Februari 2021, 11:02 am



Kes Covid-19 seluruh dunia turun 16 peratus

18 Februari 2021, 11:00 am



Thailand bakal terima bekalan pertama vaksin Covid-19

18 Februari 2021, 10:30 am

**IKLANKAN
PRODUK
ANDA DI SINI**

Utusan
Malaysia **Kosmo!**

Hubungi kami
sales@mediamulla.com.my

**LANGGAN SEKARANG
UNTUK AKSES BERITA
PREMIUM**

KLIK SINI

Januzaj mampu kecewakan United

Aksi pramusim tiga penjur uji pemain

Scammer menyamar YDP Manjung mahu pinjam wang

Anak Malaysia pengulas Piala Dunia Kelab eFIFA

Masalah capaian internet di enam lokasi sedang diatasi

BERITA BERKAITAN



Pengasas 'Sugarbook' ditahan

18 Februari 2021, 11:08 am



'Akaun rahsia' UMNO hanya niat burukkan parti – Tengku Adnan

18 Februari 2021, 11:02 am





Rosmah diperintah bela diri terhadap tiga tuduhan rasuah

18 Februari 2021, 10:15 am



Pengasas produk kecantikan ditahan

18 Februari 2021, 10:00 am

PENIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia**

PREMIUM

LANGGANAN

